

Bil. S 89

**AKTA IMIGRESEN
(PENGAL 17)**

KENYATAAN POS KAWALAN IMIGRESEN, 2000

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 5(1) dan 5(2) dari Akta Imigresen, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Kenyataan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Kenyataan ini boleh digelar sebagai Kenyataan Pos Kawalan Imigresen, 2000 dan hendaklah berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan November, 2000.

Pengisytiharan di bawah bab 5.

2. Pos kawalan imigresen di Pos Kawalan Sementara Labu di Daerah Temburong adalah diisytiharkan sebagai pos kawalan imigresen, tempat masuk yang dibenarkan untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam dari mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam dan sebagai pos kawalan imigresen, tempat berlepas yang dibenarkan atau tempat bertolak yang dibenarkan untuk meninggalkan Negara Brunei Darussalam bagi maksud-maksud Akta tersebut.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 26 haribulan Oktober, 2000.

**PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG ISA
BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG IBRAHIM
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.**